

21 OCT 2003

MAHATHIR-APEC/I

MAHATHIR: BANYAK YANG BOLEH DILAKUKAN OLEH AUSTRALIA UNTUK ERATKAN DIRINYA DENGAN ASIA

Oleh: Siti Hawa Othman

BANGKOK, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak yang boleh dilakukan oleh Australia untuk mengeratkan dirinya dengan Asia

"Tetapi Australia lebih suka dengan idea menjadi timbalan penguasa (di rantau ini) dan itu tidak dihargai oleh negara-negara Asia," kata beliau pada persidangan akhbar di akhir mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di sini hari ini.

Negara-negara Asia tidak boleh mempunyai rakan kongsi yang juga bertindak sebagai polis yang memantau hal-ehwal mereka, kata beliau sebagai menjawab soalan mengapa Australia tidak boleh mengintegrasikan dirinya ke dalam Asia Timur.

"Kita mahukan rakan niaga yang sama, yang boleh menerima persepsi kita. Dan bukannya yang sentiasa menasihati kita apa yang perlu kita lakukan atau patut buat dan mengkritik sistem kita sendiri. Ia tidak bunyi seperti Asia," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata negara-negara Asia tidak pergi keliling mengajar negara lain bagaimana untuk mentadbir negara mereka.

Apabila ditanya mengenai salah faham yang kerap timbul dengan perdana menteri Australia seorang demi seorang, Dr Mahathir berkata beliau tidak memulakannya dahulu tetapi merekalah yang membuat komen yang tidak menyenangkan dengan menggelar beliau "keras kepala", malah mengecam sistem kehakiman Malaysia.

Sementara itu, ditanya pula sama ada AS merasa terancam dengan pengaruh China yang kian meningkat, Dr Mahathir berkata AS boleh jadi bimbang dan cuba menonjolkan semula dirinya dengan menarik lebih banyak negara Timur dan Asia Tenggara.

Dr Mahathir berkata itulah antara sebabnya mengapa Presiden AS George W. Bush melawat beberapa negara di Asia.

Bush, kata beliau, seolah-olah lebih bertolak ansur dan mahu menjalinkan kerjasama dengan negara-negara di Asia Pasifik yang perdagangannya menguasai separuh daripada jumlah saiz dunia.

Ditanya sama ada Asia Timur akan memilih China atau AS untuk bergantung, beliau menjawab, "Apabila orang bersaing, yang lain-lainnya mempunyai pilihan untuk memilih."

Pada persidangan akhbar, Dr Mahathir turut ditanya mengenai isu Myanmar di mana beliau berkata Asean bukan sahaja begitu kritikal terhadap Myanmar tetapi juga sedar mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh Myanmar.

"Itu sebabnya mengapa kita tidak menyarankan demokrasi liberal di mana orang ramai boleh merusuh dan meruntuhkan kerajaan. Kita patut ada demokrasi tetapi demokrasi asas di mana orang ramai mempunyai hak untuk memilih kerajaan tanpa perlu mengadakan revolusi," kata beliau.

Menyentuh mengenai komen beliau untuk mengeluarkan Myanmar dari Asean, beliau berkata yang itu merupakan langkah terakhir.

Bagaimanapun, beliau berkata Asean telah mendengar apa yang diperkatakan oleh Myanmar dan merasakan negara itu telah berusaha bergerak ke arah yang betul.

"Oleh yang demikian, kita tidak sepatutnya mewujudkan masalah untuk Myanmar dengan mengenakan sekatan," kata beliau.

Diminta mengulas mengenai keputusan yang diperolehi daripada persidangan APEC, beliau berkata deklarasi itu adalah sesuatu yang beliau tidak boleh tolak "kerana ia meninggalkan ruang bagi intepretasi dan

pengiktirafan bagi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)."

Menyentuh mengenai isu keselamatan yang ditimbulkan pada mesyuarat itu, beliau berkata keselamatan adalah penting dari segi untuk mengembangkan ekonomi seperti dalam kes keselamatan perjalanan umpamanya.

"Tetapi kita tidak berminat dalam aspek-aspek keselamatan lain seperti tindakan militari," kata beliau. -- BERNAMA

SHO MR SHY AA